

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT
(TAIPING-BANTING)**

25/05/2014

KAWASAN LAPANG JAMBATAN TELUK INTAN - SETIAWAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

Yang Berhormat Datuk Haji Fadillah Bin Haji Yusof,
Menteri Kerja Raya,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd Kadir
Menteri Besar Perak

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dif - dif jemputan,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi Kerajaan,

Wakil-wakil media,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Penduduk Parlimen
Teluk Intan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengurniakan segala rahmatnya untuk kita bersama-sama pada pagi yang penuh bermakna ini.
2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya serta YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (dari Taiping ke Banting) pada pagi ini. Sebentar lagi, kita semua akan menyaksikan pelancaran satu lagi projek infrastruktur Kerajaan yang cukup signifikan dan amat bermakna terutama bagi penduduk Negeri Perak Darul Ridzuan dan rakyat Malaysia secara amnya.
3. Setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri serta

agensi-agensi Kerajaan yang telah bersama-sama mengembleng usaha dan tenaga dalam merealisasikan projek yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2011 di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

4. Semoga dengan pelaksanaan projek ini dapat membuktikan slogan 'Janji Ditepati' Kerajaan Persekutuan ini bukanlah sekadar omongan semata-mata, tetapi ianya merupakan janji yang dikota dan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diperkenalkan pada tahun 2010 untuk mewujudkan Kerajaan yang lebih cekap dan responsif kepada keperluan rakyat. GTP terus kekal sebagai instrumen penting di bawah Program Transformasi Nasional (NTP) bagi mencapai matlamat sosioekonomi kita selain memperoleh status negara maju menjelang tahun 2020.

6. Salah satu elemen asas penting di bawah GTP dalam menjayakan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 nanti adalah kemudahan infrastruktur yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukannya merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan Persekutuan bagi menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

7. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan Sepuluh (RMKe-10), sejumlah RM1.0 billion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membiayai 19 buah projek di bawah Kementerian Kerja Raya untuk Negeri Perak sahaja.

8. Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan, kesemua projek tersebut yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah melibatkan projek-projek infrastruktur jalan dan jambatan iaitu membina jalan baru, naiktaraf jalan, membina dan membaikpulih jalan sedia ada, dan membina jambatan atau flyover.

9. Tanggungjawab Kerajaan tidak hanya terbatas dengan pembinaan atau naiktaraf jalan sahaja, malah bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna, Kerajaan telah memperuntukkan RM31.1 juta setahun bagi menyenggara 1,511 KM Jalan Persekutuan sedia ada di negeri Perak. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur yang

berkualiti kepada rakyat, terutamanya kepada rakyat di negeri ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat sepanjang 233 KM dari Taiping, Perak ke Banting, Selangor ini amat bermakna dan membuktikan kemampuan Kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk pembangunan negara dan kemudahan rakyat jelata.

11. Malahan sejak dahulu lagi, Kerajaan telah mengurus tadbir ekonomi negara dengan jayanya dengan pelbagai infrastruktur lain seperti KLIA, KLIA 2, Jambatan Sultan Abdul Halim Mud'azam Shah, Lebuhraya Utara Selatan dan lain-lain yang pada awalnya dipersepsikan membazir tetapi telah jelas membuktikan sebaliknya.

12. Sejarah telah membuktikan kewujudan lebuhraya telah berjaya membantu menjana pembangunan kawasan - kawasan sekitarnya. Peluang dan aktiviti ekonomi akan bertambah serta memungkinkan pembangunan zon-zon perindustrian baru di sepanjang jajaran sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, di samping meningkatkan nilai hartanah di kawasan sekitar.

13. Sesungguhnya Negara telah berkembang maju kerana dengan adanya infrastruktur sedemikian telah menggalakkan lebih banyak pelaburan domestik dan asing ke Malaysia. Ini terbukti dengan kejayaan negara mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 6.2% pada suku pertama tahun ini, selain diperkukuhkan dengan laporan IMD World Competitiveness Yearbook 2014 yang dikeluarkan pada minggu lepas, Malaysia berada ditangga ke-12 daripada 60 buah negara, naik tiga anak tangga dari tahun sebelumnya. Dengan pencapaian yang memberangsangkan ini, adalah tidak mustahil bagi Malaysia untuk mencapai hasrat menjadi sebuah negara Maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. InsyaAllah.

14. Justeru itu, sukacita saya ingin menarik perhatian Tuan-tuan dan Puan-puan bahawa dengan pelaksanaan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat ini, ianya akan memberi banyak manfaat serta membawa pembangunan kepada kawasan Barat Semenanjung terutama di bandar dan pekan-pekan kecil. Pembangunan negara bukannya berlaku tanpa perancangan. Segala pembangunan infrastruktur dan projek dirancang rapi oleh Kerajaan Pusat melalui agensi-agensinya Kerajaan yang mempunyai kepakaran dan dilaksanakan

melalui pelbagai model sama ada melalui dana Kerajaan atau penswastaan. Pemilihan lokasi bagi jajaran Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (dari Taiping ke Banting) adalah bagi merangsang dan menjana pertumbuhan pembangunan ekonomi di negeri Perak dan Selangor.

Hadirin yang saya hormati,

15. Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dengan kehendak rakyat dan sentiasa mengutamakan keperluan rakyat. Selain dapat menjadi pemangkin kepada kegiatan ekonomi kawasan setempat di sepanjang jajaran lebuh raya, pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat akan menyediakan rangkaian perhubungan, aksesibiliti dan mobiliti terutama di kawasan pantai barat semenanjung dari selatan di Banting ke utara di Taiping.

16. Pelaksanaan projek ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan tahap jurang ekonomi dan pembangunan antara bandar dan desa. Saya yakin, dengan kedudukan jajaran Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat yang selari dengan Lebuhraya Utara Selatan akan dapat menyumbang serta merencanakan kegiatan ekonomi setempat dan secara tidak langsung akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Kita amat bertuah dengan limpah kurnia Yang Maha Esa kerana telah memberikan rahmat dan kebijaksanaan, keikhlasan, keperihatinan serta kegigihan kepada pemimpin kita, cita-cita negara untuk mencapai kemajuan dan menikmati kemajuan dan kesejahteraan dapat dipenuhi. Kerajaan akan sentiasa mendengar denyut nadi rakyat bagi memastikan keperluan dan kehendak rakyat diutamakan.

18. Kerajaan akan berterusan merancang dan melaksanakan agenda-agenda pembangunan negara bagi meningkatkan lagi ekonomi dan kemakmuran negara. Segala kemakmuran dan kemewahan hasil dari pembangunan ekonomi negara akan terus dikongsi bersama rakyat melalui agenda-agenda pembangunan berterusan supaya rakyat dapat menikmati manfaat dan faedah daripadanya.

19. Akhir kata, projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting) ini apabila siap kelak akan memberikan kemakmuran dan manfaat kepada penduduk setempat di sepanjang jajaran lebuh raya. Marilah kita sama-sama

berdoa ke hadrat Ilahi supaya projek Kerajaan Persekutuan dengan kos pembinaan sejumlah RM 5 billion ini dapat dapat dilaksanakan dan disiapkan dengan jayanya.

20. Dengan lafaz Bismillahirrah-manirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Lebuh raya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting) ini.

Wabillahii Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Sekian, terima kasih.